



JABATAN INSOLVENSIA MALAYSIA
ARAHAN PEGAWAI PENERIMA BIL. 3/2022

Timbalan Pegawai Penerima
Penolong Kanan Pegawai Penerima
Penolong Pegawai Penerima

JAMINAN OLEH PENYELESAI DI BAWAH SEKSYEN 478 (1) (a)
AKTA SYARIKAT 2016 (AKTA 777) /SEKSYEN 228 (a) AKTA
SYARIKAT 1965 (AKTA 125)

TUJUAN

1. Arahan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada pegawai Jabatan Insolvency Malaysia (MdI) berkenaan jaminan oleh penyelesai yang dikenakan ke atas Penyelesai Yang Diluluskan (PYD) yang dilantik sebagai penyelesai bagi kes-kes penggulangan syarikat melalui Mahkamah.

LATAR BELAKANG

2 Apabila PYD dilantik sebagai penyelesai syarikat selain daripada Pegawai Penerima (PP), PYD tersebut tidak boleh menjalankan tugasnya sebagai penyelesai sehingga beliau memberikan notis bertulis tentang pelantikannya kepada Pendaftar Syarikat dan Pegawai Penerima, dan memberi jaminan oleh penyelesai dalam jumlah yang ditetapkan oleh PP sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 478 (1) (a), Akta 777 seperti berikut:

"Pelantikan orang lain sebagai penyelesaian selain Pegawai Penerima

478. (1) Jika seseorang selain Pegawai Penerima merupakan penyelesaian interim atau penyelesaian yang dilantik dalam penggulungan sesuatu syarikat oleh Mahkamah, orang itu-

(a) tidak boleh bertindak sedemikian sehingga dia memberikan-

(i) notis bertulis tentang pelantikannya kepada Pendaftar dan Pegawai Penerima; dan

(ii) jaminan mengikut cara yang ditetapkan sehingga memuaskan hati Pegawai Penerima; dan

..."

3. PYD perlu membayar jaminan oleh penyelesaian kepada PP mengikut cara yang difikir sesuai oleh PP dalam satu amaun yang ditetapkan oleh PP sebagaimana diperuntukkan di bawah kaedah 47 (a) dan (c) Kaedah-Kaedah Syarikat (Penggulungan) 1972 seperti berikut:

"47. Standing security to satisfaction of Official Receiver

In the case of special manager or a liquidator other than Official Receiver, the following provision as to security shall have effect, namely-

(a) **the security shall be given to such officers or persons, and in such manner as the Official Receiver may from time to time direct;**

(b) it shall not be necessary that security shall be given in each separate winding-up; but security may be given either

especially in a particular winding-up, in which the person giving security may be appointed either as liquidator or special manager;

- (c) **the Official Receiver shall fix the amount and nature of such security, and may from time to time, as he thinks fit, either increase or diminish the amount of special or general security which any person has given;**
- (d) the certificate of the Official Receiver that a liquidator or special manager has given security to his satisfaction in Form 21 shall be filed with the Registrar; and
- (e) The cost of furnishing the required security by a liquidator or special manager, including any premium which he may pay to a guarantee society, shall be borne by him personally, and shall not be charged against the assets of the company as an expense incurred in the winding-up."

4. Selanjutnya, kaedah 48 (1) Kaedah-Kaedah Syarikat (Penggulungan) 1972 memperuntukkan bahawa sekiranya PYD gagal mengemukakan jaminan oleh penyelesai kepada PP dalam tempoh masa yang ditetapkan atau dalam tempoh pelanjutan masa yang dibenarkan, PP dikehendaki melaporkan kegagalan itu kepada Mahkamah yang kemudiannya boleh membatalkan perintah yang melantik PYD tersebut.

KADAR JAMINAN OLEH PENYELESAI

5. Kadar jaminan oleh penyelesai yang perlu dibayar oleh PYD kepada PP ditetapkan sebanyak RM3000.00. Sekiranya terdapat lebih daripada seorang PYD dilantik bagi mentadbir satu kes syarikat gulung,

setiap PYD hendaklah membayar jaminan oleh penyelesai masing-masing sama ada PYD tersebut daripada firma yang sama atau berlainan. PP juga boleh menaikkan kadar jaminan oleh penyelesai dari semasa ke semasa berdasarkan penghasilan aset syarikat gulung.

KAEDAH PEMBAYARAN JAMINAN OLEH PENYELESAI

6. Selaras dengan peruntukan seksyen 478 (1) (a) Akta 777 / seksyen 228 (a) Akta 125 dan kaedah 47 (a) dan (c) Kaedah-Kaedah Syarikat (Penggulungan) 1972, pembayaran jaminan oleh penyelesai hendaklah dibuat kepada PP melalui kaedah-kaedah berikut:

- (a) *Bank Draft*;
- (b) *Banker's Cheque*; atau
- (c) Kaedah-kaedah pembayaran lain yang diperuntukkan dalam Akta.

TEMPOH BAYARAN JAMINAN OLEH PENYELESAI

7. Apabila Mahkamah melantik PYD sebagai penyelesai syarikat gulung sama ada melalui Perintah Penggulungan (Borang 11) atau Perintah Pelantikan Penyelesai (Borang 19) dalam Kaedah-Kaedah Syarikat (Penggulungan) 1972, PYD perlu membayar jaminan oleh penyelesai sebanyak RM3000.00 kepada PP.

8. Jaminan oleh penyelesai tersebut perlu dibayar dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh Perintah Penggulungan atau Perintah Pelantikan Penyelesai sepertimana yang dinyatakan dalam Borang 11 atau Borang 19 tersebut masing-masing.

9. Cawangan hendaklah mengeluarkan Sijil Jaminan Oleh Penyelesai melalui Borang 21 dalam tempoh satu (1) hari daripada tarikh penerimaan bayaran jaminan oleh penyelesai tersebut.

KEGAGALAN PYD MEMBAYAR JAMINAN OLEH PENYELESAI

10. Sekiranya PYD gagal menjelaskan bayaran jaminan oleh penyelesai pada masa yang ditetapkan, cawangan hendaklah mengeluarkan notis mengarahkan PYD membuat bayaran dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh notis dikeluarkan. Jika PYD masih gagal membuat bayaran jaminan oleh penyelesai setelah notis dikeluarkan, cawangan hendaklah melaporkan kegagalan PYD tersebut kepada Mahkamah.


PEMBATALAN

11. Arahan ini membatalkan arahan-arahan berikut:

- (a) Arahan Pegawai Penerima Bil. 1/2016; dan
- (b) Nota Amalan Bil. 1/2016.

KUAT KUASA

12. Arahan ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.



DATO' ANITA HARUN

Pegawai Penerima

Jabatan Insolvensi Malaysia

22 FEBRUARI 2022